

# **KAJIAN REFLEKSI PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN EMPATI DALAM KESUSASTERAAN MELAYU**

***A STUDY ON STUDENT REFLECTION TOWARDS TEACHING AND  
LEARNING OF EMPATHY IN MALAY LITERATURE***

**Nordiana Hamzah<sup>1</sup>**  
**Hasrina Baharum<sup>2</sup>**  
**Azhar Wahid<sup>3</sup>**  
**Nor Azimah Zakaria<sup>4</sup>**

<sup>1234</sup>Pensyarah Kanan Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak.

**Accepted date:** 14-10-2018

**Published date:** 15-12-2018

**To cite this document:** Hamzah, N., Baharum, H., Wahid, A., & Zakaria, N. A. (2018). Kajian Refleksi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Empati Dalam Kesusasteraan Melayu. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(4), 73-84.

**Abstrak:** Empati merupakan suatu perkara yang melibatkan kognitif dan perasaan seseorang terhadap diri orang lain serta cuba berada dalam situasi mereka yang mempunyai masalah. Dalam bidang pendidikan pula, para guru berperanan untuk membangunkan perasaan empati dalam diri pelajar bagi tujuan membantu mereka berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka bersama dengan guru dan rakan-rakan dalam memupuk aspek nilai dalam diri mereka. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu merupakan ilmu yang berkisar aspek budaya, bahasa dan kemanusiaan dalam penceritaannya. Kesesuaianya sebagai medium empati digunakan dalam kajian ini. Objektif kajian adalah untuk menganalisis 10 refleksi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran empati yang dibangunkan oleh guru di sebuah sekolah menengah di Kelantan. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif dengan menggunakan instrumen refleksi pelajar. Refleksi pelajar ditulis berpandukan teori Refleksi Gibbs (1988). Analisis data dengan menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan, pelajar terbuka dalam menyuarakan perasaan hati mereka tentang sesuatu isu, menggunakan keseluruhan deria untuk mengenal pasti sesuatu isu, dan dapat mengapresiasi perasaan mereka dalam bentuk kreatif seperti sajak. Implikasi kajian menunjukkan, bahawa empati merupakan suatu perkara yang harus digembling bersam-sama ibu bapa dan semua golongan masyarakat bagi mewujudkan masyarakat yang berakhlaq sekali gus dapat membenteng gejala sosial yang terjadi dalam masyarakat.

**Kata Kunci:** Empati, Guru, Pelajar, Kesusasteraan Melayu, Refleksi

**Abstract:** The term empathy is used to explain one's cognitive and feelings towards the others by placing himself or herself in the situation of those who have problems. In the field of education, teachers play a role in creating empathy within the students to help them share their knowledge and experiences with teachers and friends so that they can nurture good values within themselves. Malay literature is a knowledge that revolves around the aspects of culture, language and humanity in its storytelling. The relevance of this literature as a medium of empathy is used in this study. The objective of this study is to analyze the reflection of 10 students towards teaching and learning of empathy that have been developed by teachers in a secondary school in Kelantan. The methodology used in this study is a qualitative approach that uses students' reflection instruments. Students' reflection is based on the Gibbs (1988) theory of Reflection. The data is analyzed using thematic analysis. The findings show that students are more open in expressing their feelings toward an issue, using the whole senses to identify the issue, and appreciating their feelings in creative ways like rhyme or poem. The implications of the study show that empathy should be taken earnestly by parents and all segments of society in creating a virtuous society, thereby reducing social phenomena that occur within the society.

**Keywords:** Empathy, Teacher, Students, Malay Literature, Reflection

---

## Pengenalan

Asal usul perkataan empati berasal daripada perkataan German iaitu *Einfühlung* yang membawa maksud kuasa untuk mengenal pasti diri sendiri dengan memahami seseorang, benda ataupun dalam sesuatu peristiwa. Konsep perkataan ini diperluas makna oleh ramai sarjana yang membawa maksud memahami situasi individu yang lain secara perasaan dan perspektif yang dihadapi mereka sekali gus menggunakan pemahaman tersebut untuk bertindak mengikut situasi. Mc Laren, Karla (2013), menyatakan secara spesifik empati ialah kemahiran sosial dan emosional yang membantu merasa dan memahami emosi, kehendak, keadaan, fikiran dan keperluan seseorang bagi membolehkan individu itu diberi sensitiviti, persepsi, bantuan dan komunikasi yang bersesuaian. Oleh itu, kemahiran empati memerlukan individu yang mempunyai kepekaan yang tinggi dalam memahami bahasa, ekspresi muka dan bahasa badan seseorang yang memerlukan empati. Penggunaan bahasa dan bahasa badan memainkan peranan yang penting oleh seseorang dalam memahami empati.

Sehubungan dengan itu, aspek empati ini dikaji dalam mata pelajaran Kesusastraan Melayu, memandangkan mata pelajaran ini mempunyai unsur kemanusiaan dan nilai moral yang perlu dipelajari, dihayati dan diapresiasi oleh pelajar. Mata pelajaran Kesusastraan Melayu mempunyai lima genre iaitu novel, cerpen, drama, prosa tradisional dan puisi moden dan tradisional. Kelima-lima genre ini mempunyai plot penceritaan yang mengisarkan tema dan persoalan seperti kemasyarakatan, kemanusiaan, keagamaan, budaya, dan politik. Keistimewaan mata pelajaran Kesusastraan Melayu telah menjadikan subjek ini sebagai komponen wajib dalam mata pelajaran bahasa Melayu mulai tahun 2000. Oleh itu, guru merupakan agen yang menjadi pemangkin untuk membantu pelajar menghayati dan mengapresiasi unsur-unsur yang positif dalam mata pelajaran Kesusastraan Melayu. Guru yang kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu menyerapkan elemen empati sewaktu pengajaran dan pembelajaran Kesusastraan Melayu. Elemen empati membantu pelajar mempunyai perasaan memahami dan merasai penderitaan orang lain dan bertindak balas dengan cara yang sebaik-baiknya. Menurut Nordiana Hamzah (2016), elemen empati dapat diterapkan oleh guru dalam perancangan pengajaran harian sebagai mendidik

pelajar untuk mempunyai perasaan yang berperikemanusiaan terhadap gejala sosial yang berlaku di persekitaran mereka.

Refleksi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru mengenal pasti sama ada pengajaran dan pembelajaran mereka dapat dihayati dan diapresiasi oleh pelajar hingga mereka dapat mencapai perasaan empati. Refleksi membolehkan pelajar-pelajar melaksanakan introspeksi diri terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dialami bersama-sama guru dan rakan sekelas, menilai pembelajaran, membuat rumusan perkara yang diperoleh dan cadangan untuk meningkatkan diri. Bagi membolehkan elemen empati dipupuk, guru perlu membantu pelajar dalam merancang isi pengajaran dengan menggunakan kaedah dan teknik yang membolehkan pelajar-pelajar dapat menghayati dan mengapresiasi dengan pembelajaran guru. Amat digalakkan supaya pelajar diberi penekanan dalam memahami situasi sesuatu perkara melalui pembelajaran aktif. Oleh itu, pelajar dapat merasai dan memahami sesuatu situasi sehingga dapat melahirkan perasaan empati dan bertindak mengikut cara mereka sendiri.

Sehubungan dengan itu, aspek empati amat penting dalam mata pelajaran kesusasteraan Melayu memandangkan mata pelajaran ini mempunyai medium yang bersesuaian dalam membantu membentuk empati pelajar. Maka, medium refleksi digunakan sebagai wahana untuk mengenal pasti dan menganalisis maklum balasa pelajar yang mengikuti pengajaran guru yang mempunyai elemen empati dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

### **Pernyataan Masalah**

Permasalahan pelajar pada masa ini semakin menjadi-jadi kerana fenomena gejala sosial, tidak beradab, tiada kesantunan dan pelbagai perkara lagi yang dilakukan mereka sehingga para pendidik berasa perubahan perlu dilakukan dalam sistem pendidikan supaya pelajar-pelajar yang kebanyakannya remaja pulang ke pangkal jalan. Usaha ini perlu digembung supaya permasalahan ini akan menjadi suatu usaha sinergi para pendidik khususnya untuk memulihkan gejala sosial yang semakin kronik. Kajian Zainudin Sharif & Norazmah Mod Roslan (2011); Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A Shukor (2013); Nurzatil Ismah Azizan et al. (2015) berpendapat gejala sosial dalam kalangan pelajar-pelajar yang berusia remaja sangat kronik. Pendekatan yang menyeluruh harus dilakukan agar permasalahan ini dapat dibendung.

Malah perkara yang paling kronik ialah, penyakit remaja hari ini yang tidak bertanggungjawab melakukan zina sehingga melahirkan anak luar nikah. Lebih berat lagi, mereka sanggup membuang bayi yang dikandung selama sembilan bulan semata-mata untuk mengaburkan pandangan mata masyarakat. Menurut rekod yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bahawa bagi tempoh 2005 hingga tahun 2015, statistik yang dikeluarkan oleh Polis Di Raja Malaysia (2015), kes pembuangan bayi paling tertinggi adalah di Selangor, Johor, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang.

Sehubungan dengan itu, masalah perasaan tidak berperikemanusiaan itu dapat ditangani dengan usaha para guru dalam perancangan rancangan pengajaran harian dengan memasukkan unsur empati. Empati merupakan aspek emosi yang tinggi yang perlu dipupuk dalam diri pelajar. Pengajaran dan pembelajaran empati perlu dipupuk oleh guru-guru bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna iaitu dalam konteks ini dapat menimbulkan perasaan pelajar yang ingin membantu, ingin bertindak, ingin menyelesaikan masalah dan melahirkan pendapat terhadap sesuatu isu atau fenomena yang berlaku di

persekitaran mereka melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Aspek empati yang dipupuk, dibina, disemai, dihayati dan diapresiasi dalam kalangan pelajar dapat membantu mereka sedar akan tanggungjawab sosial mereka dalam kehidupan. Mereka akan bertindak terhadap permasalahan yang berlaku dengan cara yang dapat dilakukan seperti melalui penulisan rencana dan penulisan kreatif.

Kesusasteraan Melayu, merupakan satu wadah pembelajaran yang dapat membentuk diri pelajar menjadi insan yang pandai mengurus diri dan mempunyai nilai (Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2016). Kerangka KSSM (Kurikulum Standart Sekolah Menengah, 2016) telah menggariskan beberapa perkara bagi melahirkan pelajar yang seimbang dan mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif. Antara cirinya haruslah mempunyai sikap kemanusiaan serta ada unsur kerohanian, sikap dan nilai. Untuk mencapai kedua-dua aspek ini, aspek empati merupakan salah satu cara untuk membantu mendidik pelajar mempunyai sikap kemanusiaan dan kerohanian. Unsur empati amat sinonim dengan guru kerana perasaan empati ialah sebahagian daripada aktiviti sosial dan pembelajaran emosi yang telah diperlihat untuk membantu pencapaian akademik pelajar dan pembelajaran seumur hidup (Zins, Bloodworth, Weissberg, & Walberg, 2004). Para sarjana juga berpendapat bahawa perasaan empati harus hadir bersama-sama dengan semangat tanggungjawab sosial dalam membentuk pelajar-pelajar (Sparkman, Maulding, & Roberts, 2012). Empati sangat relevan dalam pengajaran dan pembelajaran kerana terdapat perhubungan interaksi antara guru dan pelajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran.

Namun, persoalannya, bagaimakah aspek empati ini diserap dalam pengajaran dan pembelajaran guru? Oleh sebab itu, kajian ini akan menganalisis aspek empati dalam refleksi para pelajar.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah untuk menganalisis 10 refleksi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran empati yang dibangunkan oleh guru di sebuah sekolah menengah di Kelantan dengan menggunakan Teori Refleksi Gibbs (1988).

### **Kajian Literatur**

Dalam kajian literatur terkini didapati aspek refleksi dalam pengajaran dan pembelajaran empati dalam kesusasteraan Melayu tidak dikaji serentak. Refleksi dalam kajian literatur terkini menjurus kepada penggunaan refleksi sebagai instrumen pengumpulan data dalam kajian Siti Norfarhana Shaikh Ismail & Siti Mistima Maat (2017) dan Nor Hasniza Ibrahim (2012). Refleksi juga digunakan sebagai item soal selidik dalam kajian (Rohaida Mazlan, 2017) untuk memperoleh pandangan guru tentang pengajaran mereka. Aspek ini dikukuhkan dalam kajian Rohani Arbaa, Hazri Jamil, Mohammad Zohir Ahmad, 2017 dan Nuraina Mohamed Sin & Haslina Ishak, (2017) yang menegaskan bahawa melalui amalan refleksi yang berterusan, guru telah menyesuaikan pengetahuan praktikalnya dengan kemampuan pelajar dan kecenderungan mereka bagi menghasilkan teknik-teknik yang dapat menggalakkan penglibatan pelajar. Didapati pola kajian refleksi tertumpu kepada aspek pengajaran dan pembelajaran dan refleksi sebagai instrumen pengumpulan data. Perbezaan kajian literatur dengan kajian yang akan dijalankan ialah, refleksi tidak menjurus kepada kajian empati dalam mata pelajaran kesusasteraan Melayu dan persamaannya ialah refleksi sebagai salah satu instrumen untuk mengumpul data. Oleh itu, kajian literatur dapat membantu dalam aspek refleksi sebagai alat pengumpulan data.

Aspek empati dalam pengajaran dan pembelajaran juga didapati pola kajian meliputi kepada aspek emosi guru dan emosi dalam kepimpinan pendidikan, khususnya (Oplatka, 2018). Dalam dunia perubatan, tenaga pengajar dalam bidang perubatan berusaha untuk meningkatkan aspek empati dalam kalangan pelajar perubatan terhadap pesakit sehingga mereka menjalankan kajian *Student-centered tutoring as a model for patient-centeredness and empathy* oleh Meirovich, Ber, Moore, & Rotschild (2016). Hasil kajian menunjukkan perbezaan daptan antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Didapati hasil kajian kumpulan eksperimen lebih signifikan dalam kajian. Aspek ini menunjukkan empati dapat membantu pesakit dalam proses pemulihan penyakit mereka. Hal ini signifikan dengan kajian Raatikainen & Rauhala (2014) yang menyatakan seseorang pekerja tidak semata-mata bertindak balas mengikut perasaan sendiri tetapi haruslah mencerminkan dan mengembangkan perasaan mereka sendiri ke dalam tindakan yang menyokong pelanggan untuk menunjukkan empati. Atas sebab-sebab ini, penting untuk memberi perhatian lebih kepada kemahiran empati dalam kajian sosial dan penjagaan kesihatan.

Sehubungan dengan itu, dalam pengajaran dan pembelajaran, aspek empati juga mendapat perhatian sarjana untuk dikaji seperti kajian oleh Murphy, H., Tubritt, J., & O'Higgins Norman, J. (2018) yang menyatakan keperluan guru untuk mengambil berat tentang kesejahteraan holistik pelajar adalah penting dalam memastikan iklim sekolah yang positif dan mengehadkan tingkah buli. Hal ini dikukuhkan dengan pendapat oleh (Franzese, 2017) yang menyatakan tanpa empati, guru-guru hanya mengajar pengetahuan kandungan dan bukannya pelajar. Pengajaran oleh guru yang berempati membantu mereka memahami pelajar keseluruhan kelas sama ada mereka masih lagi bersama-sama guru sewaktu belajar atau pemikiran mereka sudah ke dunia lain(Goroshit & Hen, 2016).

Aspek empati dalam mata pelajaran Kesusasteaan Melayu masih lagi tidak dikaji. Oleh itu, dengan kelompongan yang ada, kajian ini akan memfokuskan kajian empati dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu.

### **Kerangka Teori**

Kerangka Teori yang digunakan dalam analisis ini ialah teori Refleksi oleh Gibbs (1988). Kerangka Teori Refleksi oleh Gibbs mempunyai enam peringkat iaitu:


Peringkat Pertama	:	Penerangan (Apakah yang berlaku?)
Peringkat Kedua	:	Perasaan (Apakah yang kamu fikirkan atau rasakan?)
Peringkat Ketiga	:	Penilaian (Apakah yang baik dan buruk tentang perkara itu?)
Peringkat Keempat	:	Analisis (Apakah yang anda rasa daripada situasi tersebut?)
Pentingkat Kelima	:	Kesimpulan (Apakah perkara yang anda boleh lakukan?)
Peringkat Keenam	:	Tindakan (Jika perkara itu berlaku, apakah yang anda dapat Lakukan?)

Namun, dalam kertas kerja ini dibataskan penggunaan kerangka teori peringkat satu hingga lima sahaja kerana batasan masa untuk melakukan peringkat keenam.

### **Metodologi**

Dalam kajian ini pendekatan yang digunakan ialah pendekatan kualitatif. Creswell (2013) mentakrifkan penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial. Sumber data bagi menjawab persoalan kajian ini diperoleh daripada analisis dokumen refleksi pelajar-pelajar. Menerusi analisis dokumen, maklumat untuk aktiviti empati dalam

pengajaran dan pembelajaran dapat diperoleh. Kaedah ini dipilih kerana kaedah ini sangat sesuai bagi memperoleh maklumat yang terperinci dan mendalam. Seramai 10 orang peserta dipilih secara ‘purposive sampling’ untuk terlibat dalam kajian ini. Strategi persampelan bertujuan mengandaikan bahawa penyelidik bermatlamat menemui, memahami dan memperoleh pengertian secara bermakna hasil daripada sumbangan yang diberikan oleh sampel yang dipilih. Peserta kajian dipilih dari sebuah sekolah menengah di Kelantan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan senarai semak bagi mendapatkan aspek-aspek empati berdasarkan teori refleksi oleh Gibbs:



**Rajah 1: Gibbs, G. (1988). *Learning by Doing. A Guide to Teaching and Learning Methods.* Oxford Polytechnic: Oxford**

Namun, dalam kertas kerja ini hanya membincangkan lima peringkat sahaja kerana peringkat keenam merupakan suatu tindakan refleksi yang berulang-ulang dan panjang. Analisis dapanan dengan menggunakan pendekatan tematik berdasarkan pendekatan tematik yang terdapat dalam kajian S. Elo & Kyngals (2007). Dapatan daripada refleksi akan dianalisis untuk membentuk kategori, seterusnya sub tema dan tema. Tema-tema yang dibentuk dibincangkan selepas dapatan dianalisis.

Pembentukan kod pada lajur pertama berdasarkan analisis kajian empati; pada peringkat teori Gibbs; bilangan peserta kajian dan bilangan keseluruhan peserta kajian. Sebagai contoh (EMPATI 1.1.10) - bermaksud, kajian empati pada peringkat pertama; peserta pertama dan bilangan keseluruhan peserta kajian. Pada lajur kedua akan diambil petikan temu bual yang memberi makna. Lajur ketiga pula, merupakan kategori yang diambil daripada temu bual. Lajur keempat dan kelima pula ialah pembentukan sub tema dan tema daripada analisis data temu bual.

Contoh analisis data temu bual dapat dirujuk:

**Jadual 1: Contoh Analisis Data Temu Bual**

Kod	Temu bual	Kategori	Sub Tema	Tema
<b>EMPATI1.1.10 (Kajian empati) 1- Merujuk</b>	<i>Kaedah penyampaian Cikgu sangat merasakan berkesan kepada penderitaan</i>		<b>Prihatin</b>	<b>Bersikap memahami</b>

		situasi
<b>kepada Peringkat 1</b>	<i>kami. Kami dapat rakyat merasakan penderitaan rakyat kepada peserta Gaza dengan wajah kajian pertama dan suara yang Cikgu tunjuk dan gunakan.</i>	
<b>.1 –Merujuk 10-merujuk kepada bilangan peserta kajian.</b>	<i>Kadang-kadang suara Cikgu perlahan dan merintih semasa bercerita.</i>	

### Dapatan dan Perbincangan

Analisis dapatan kajian adalah dengan mengikut Model Teori Refleksi oleh Graham Gibbs berdasarkan enam peringkat. **Pada peringkat pertama**, sepuluh orang peserta kajian menyatakan mereka didedahkan dengan tayangan video yang memaparkan penderitaan manusia yang berada di Gaza. Dalam video tersebut, terdapat perperangan yang menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda. Guru menambahkan elemen empati dengan bercerita secara naratif tentang peristiwa yang berlaku di Gaza. Pelajar telah memberi maklum balas dalam refleksi dengan menyatakan guru bercerita dengan penuh penghayatan dan intonasi suara guru yang meninggi dan menurun sewaktu bercerita. Ekspresi wajah guru juga menunjukkan bahawa peristiwa di Gaza amat menakutkan dan menyedihkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui lima refleksi daripada lima pelajar yang pertama:

*Kaedah penyampaian Cikgu sangat berkesan kepada kami. Kami dapat merasakan penderitaan rakyat Gaza dengan wajah dan suara yang Cikgu tunjuk dan gunakan. Kadang-kadang suara Cikgu perlahan dan merintih semasa bercerita*

(EMPATI1.110)

*Apabila Cikgu menayang video, saya dapat melihat kekejaman Zionis. Namun, Cikgu selepas itu bercerita dengan bersungguh-sungguh kekejaman dan wajah Cikgu kelihatan sangat tertekan sewaktu bercerita*

(EMPATI 1.2.10)

*Cikgu kadang-kadang ton suara tinggi dan kadang-kadang rendah. Saya lihat cikgu terlalu fokus dalam menyampaikan cerita.*

(EMPATI 1.3.10)

*Saya lihat Cikgu bercerita dengan terperinci. Cikgu seperti tahu semua yang berlaku sehingga saya rasa Cikgu terlalu emosional sewaktu bercerita sehingga saya rasa lain.*

(EMPATI1.4.10)

*Kesungguhan Cikgu sampaikan cerita menyebabkan saya rasa seperti di Gaza. Cikgu memang terbaik*

(EMPATI1.5.10)

Guru juga telah menyelitkan isu semasa selepas tontonan video Gaza. Isu yang guru paparkan dan ceritakan adalah tentang Adam Rayqal, bayi yang telah didera di rumah pengasuh dan diletakkan di dalam peti ais. Guru bercerita dan menayangkan sedutan gambar dan keratan

akhbar berkaitan peristiwa tersebut. Pelajar-pelajar juga telah mengkomen bahawa Cikgu telah menyampaikan cerita tersebut dengan nada suara yang berintonasi dan kadang-kadang kedengaran seperti orang yang sedang merintih. Antara pendapat pelajar ialah:

*Cerita Adam bagi saya sangat menyedihkan kerana cerita ini berlaku di negara kita sendiri. Suara Cikgu pun macam orang yang menangis.*

(EMPATI 1.6.10)

*Sayarasa Cikgu memang pandai dalam bercerita. Cerita Cikgu dengan gaya tangan dan muka yang sedih. Cikgu memang hebat.*

(EMPATI 1.7.10)

**Pada peringkat dua** ialah peringkat yang meminta pelajar menulis perkara yang difikirkan dan yang dirasakan. Pelajar-pelajar telah memberikan pelbagai persepsi. Antara persepsi fikiran dan perasaan ialah:

*Saya dapat merasai dan menyelami perasaan sedih, marah dengan apa yang berlaku terhadap rakyat Palestin dan adik Adam Rayqal.*

(EMPATI 2.8.10)

*Saya rasa amat sedih dengan sikap kekejaman zionis terhadap rakyat Palestin. Saya tidak dapat menggambarkan betapa perihnya penderitaan yang dialami oleh mereka melalui tontonan video.*

(EMPATI 2.9.10)

*Saya merasa amat terkilan dengan manusia zaman sekarang kerana berlaku banyak keeganasan.*

(EMPATI 2.10.10)

**Peringkat ketiga** pula berkisar tentang perkara yang baik dan buruk daripada peristiwa yang diceritakan oleh guru. Pelajar telah memberikan pelbagai pendapat antaranya:

*Peristiwa ini menimbulkan perasaan benci terhadap mereka yang melakukan perkara terkutuk tersebut. Ia memberi bayangan kepada saya jika saya berada dalam kehidupan mereka. Saya berasa bersyukur kerana saya hidup dalam keadaan terkawal dan harmoni.*

(EMPATI 3.1.10)

*Kejadian ini menyebabkan saya berasa terkilan dengan perbuatan mereka yang mengabaikan tanggungjawab sebagai manusia.*

(EMPATI 3.2.10)

*Melalui peristiwa ini dapat lahirkan perasaan prihatin dalam diri saya sendiri untuk latih diri bersikap perikemanusiaan.*

(EMPATI 3.3.10)

Seterusnya, **pada peringkat keempat**, antara pertimbangan yang pelajar tulis dalam refleksi ialah:

*Saya takut negara Malaysia menjadi seperti negara Palestin. Saya harap negara kita akan sentiasa aman dan harmoni.*

(EMPATI 4.4.10)

*Saya rasa melalui mata pelajaran sastera mampu mempengaruhi fikiran saya dan orang lain untuk menjadikan rasa simpati kepada nasib seseorang kepada empati.*

(EMPATI 4.5.10)

*Saya berasa bersyukur kerana ada dalam negara yang bebas daripada perang.*

(EMPATI 4.6.10)

**Pada peringkat kelima,** kesimpulan yang diperoleh pelajar-pelajar tentang perkara yang dapat dilakukan oleh mereka ialah:

*Saya hanya dapat berdoa supaya negara Palestin akan kembali aman dan perang akan tamat. Berdoa ialah cara terbaik kerana Allah tahu.*

(EMPATI 5.2.10)


*Cerita ini tidak akan tamat selagi manusia suka bergaduh sesama sendiri dan pentingkan diri. Memang baik Cikgu ajar pada hari ini.*

(EMPATI 5.6.10)

*Saya dapat melahirkan perasaan saya terhadap isu ini melalui penulisan sajak. Saya mendapati bahawa dengan menulis sajak saya dapat melahirkan perasaan saya dan memahami situasi mereka.*

(EMPATI 5.7.10)

Daripada dapatan terdapat beberapa tema yang telah dibentuk dan dibincangkan dalam hasil analisis refleksi pelajar iaitu;



**Rajah 2: Tema Refleksi Kajian Empati Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu di sebuah Sekolah Di Kelantan**

Dapatan daripada lima langkah penulisan refleksi didapati pelajar **mempunyai persepsi yang positif** dalam membina hubungan dengan guru serta dalam melihat dan menganalisis sesuatu isu (Goroshit & Hen, 2016; Bouton, 2016; Lissett & Mesa, 2018). Persepsi positif ialah tanggapan seseorang individu kepada orang lain. Seseorang itu akan berasa gembira jika orang lain gembira dan sentiasa berusaha untuk mewujudkan suasana yang positif. Persepsi

yang positif dapat dipelajari. Perkara yang penting ialah tidak bersangka buruk terhadap orang lain dan cuba memberi yang terbaik kepada mereka. Dalam pengajaran dan pembelajaran empati, pelajar telah membina persepsi yang positif dalam menerima pelajaran daripada guru. Pelajar dapat menghubungkan persepsi positif daripada guru kerana guru mengajar dengan penuh ekspresi wajah dan aksi bahasa badan yang menunjukkan guru sentiasa cuba untuk membantu pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar mendengar dengan minat pengajaran dan pembelajaran guru. Guru juga sentiasa memberi maklum balas jika pelajar bertanya. Hubungan dua hala ini telah memberi kesan positif kepada pelajar. Kesan daripada persepsi positif, pelajar dapat membina idea dan melahirkan perasaan dan fikiran mereka melalui aktiviti komunikasi. Dalam pengajaran dan pembelajaran empati yang dihadapi oleh pelajar, kesannya pelajar sentiasa berharap bahawa dunia akan aman dan tidak mempunyai perang. Di samping itu, mereka juga berharap manusia akan dipenuhi dengan nilai-nilai kemanusiaan. Perasaan dan fikiran pelajar dapat dikembangkan tanpa rasa ancaman daripada guru.

Pelajar-pelajar juga **bersikap memahami situasi** yang dialami oleh individu yang lain. Apabila mereka mempunyai sikap ini, mereka tidak akan berasa ego dan sompong dalam menghadapi situasi (Franzese, 2017&Kanske, 2018). Mereka akan cuba untuk bersikap merendah diri dan memahami situasi yang berlaku dan akan menganalisis daripada pelbagai sudut. Pelajar-pelajar tidak akan membuat tindakan yang di luar kawalan. Perkara yang paling bagus yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran empati ialah mereka telah membayangkan diri mereka jika diletakkan di tempat perang dan jika diri mereka didera. Keupayaan mereka memahami situasi orang lain menyebabkan mereka menjadi insan yang sentiasa berkasih sayang antara satu sama lain.

**Perasaan menghargai dan bersyukur** juga didapati dalam penulisan refleksi. Pelajar-pelajar apabila didedahkan dengan situasi yang berlaku dari dalam dan luar negara, menyebabkan mereka berasa diri mereka dihargai oleh ibu bapa, rakan-rakan, guru dan masyarakat sekeliling(Franzese, 2017). Mereka berasa bertuah kerana masyarakat di sekeliling mereka merupakan komuniti yang penyayang dan tidak berlaku sebarang pertelingkahan dalam kehidupan mereka sehari-hari. Situasi ini juga menyebabkan mereka berasa bersyukur dan berazam untuk memelihara negara daripada sebarang anasir buruk dengan berdoa. Kepercayaan kepada tuhan menjadikan mereka meletakkan tuhan sebagai tempat untuk mengadu dan melahir kesyukuran.

Pengajaran dan pembelajaran empati terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu menyebabkan pelajar-pelajar menjadikan **nilai-nilai murni** (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003)sebagai asas kehidupan mereka. Empati menyebabkan mereka mengenal pasti perkara yang baik dan perkara yang buruk. Pelajar-pelajar dapat bertindak mengikut nilai yang dibentuk dalam diri mereka. Empati merupakan suatu perkara yang dapat dibentuk dan diasah dalam diri pelajar-pelajar. Jika guru hanya mengajar tanpa mengaitkan dengan empati, pelajar-pelajar hanya belajar sesuatu ilmu itu hanya sebagai ilmu sahaja. Ilmu tanpa amal merupakan suatu perkara yang sia-sia. Empati dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu melahirkan pelajar yang mempunyai nilai yang baik dan dapat dikongsi bersama-sama pelajar yang lain.

Dalam pengajaran dan pembelajaran empati juga, melahirkan pelajar yang mempunyai **kreativiti** dalam melahirkan perasaan mereka. Pelajar dapat menjana idea, menyusun maklumat, menulis kata-kata yang gramatis, dan akhirnya tercipta sebuah sajak bagi menzahirkan perasaan mereka terhadap peristiwa yang berlaku. Dalam pengajaran dan

pembelajaran empati, akhirnya pelajar telah menghasilkan sajak yang menggambarkan empati mereka terhadap peristiwa yang terjadi. Pelajar telah membayangkan peristiwa tersebut dengan terperinci dengan menjadikan diri mereka sebagai watak dalam video dan cerita yang disampaikan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

## Kesimpulan

Empati merupakan aspek yang sangat penting untuk dipupuk dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, guru merupakan individu yang diberi kuasa dan keistimewaan untuk membentuk pelajar tentang empati dalam proses pembelajaran. Dunia yang tanpa sempadan dan maklumat di hujung jari menyebabkan pelajar-pelajar terdedah kepada maklumat yang tidak ditapis. Sejajar dengan itu, aspek empati yang dipupuk dapat membantu pelajar membuat penilaian tentang sesuatu perkara dengan ilmu yang telah dipelajari daripada guru yang mengajar dengan penuh hikmah dan berkesan. Empati adalah penting untuk belajar tentang perasaan, keutamaan, dan pemahaman tentang orang lain. Tanpa pengajaran dan pembelajaran yang memasukkan elemen empati ibarat jasad tanpa roh. Empati merupakan salah satu alternatif untuk membantu pelajar dididik dengan cara yang strategik.

## Rujukan

- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A Shukor. (2013). Pembinaan Hubungan Antara Guru Dengan Pelajar. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 138-148.
- Bachen, C.M., Hernandez-Ramos, P.F., & Raphael, C. (2012). Simulating Real Lives: Promoting global empathy and interest in learning through simulation games. *Simulation & Gaming*, 43(4), 437-460. doi: 10.1177/1046878111432108
- Bouton, B. (2016). Empathy Research and Teacher Preparation: Benefits and Obstacles, 25(1978), 16–25.
- Cooper, B. (2011). *Empathy in education: Engagement, values and achievement*. London: Continuum International Publishing Group.
- Creswell, J. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3<sup>rd</sup> ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Cruz, B.C., & Patterson, J. (2005). Cross-cultural simulations in teacher education: Developing empathy and understanding. *Multicultural Perspectives*, 7(2), 40-47. doi: 10.1207/s15327892mcp0702\_7
- Dolby, N. (2012). *Rethinking multicultural education for the next generation: The new empathy and social justice*. New York, NY: Routledge.
- Franzese, P. A. (2017). *The Power of Empathy in the Classroom.*, " Seton Hall Law Review: Vol. 47: Iss. 3, Article 2.
- Gibbs, G. (1988). *Learning by doing. A guide to teaching and learning methods*. Oxford Polytechnic: Oxford
- Goroshit, M., & Hen, M. (2016). Teachers ' empathy : can it be predicted by self- efficacy ?, (June). <https://doi.org/10.1080/13540602.2016.1185818>
- Kanske, P. (2018). The social mind: disentangling affective and cognitive routes to understanding others, 0188. <https://doi.org/10.1080/03080188.2018.1453243>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kesusasteraan melayu 2003*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Lissett, M., & Mesa, O. (2018). Reflective Teaching : An Approach to Enrich the English Teaching Professional Practice. *HOW*, 25(2), 149–170. <https://doi.org/https://doi.org/10.19183/how.25.2.386>
- Mac Laren, Karla. (2013). *The Art of Empathy: A Complete Guide to Life's Most Essential Skill*. USA: Sounds True.

- M.C. Wang, & H.J. Walberg (Eds.), *Building Academic Success on Social and Emotional Learning*. New York, NY: Teachers College Press.
- Murphy, H., Tubritt, J., & O'Higgins Norman, J. (2018). The Role of Empathy in Preparing Teachers to Tackle Bullying. *Journal of New Approaches in Educational Research*, 7(1), 17-23. doi:<http://dx.doi.org/10.7821/naer.2018.1.261>
- Meirovich, A., Ber, R., Moore, M., & Rothschild, A. (2016). Student-centered tutoring as a model for patient-centeredness and empathy. *Advances in Medical Education and Practice*, 423-428.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development Volume 4 Number 2*, 48-57.
- Nordiana Hamzah. (2016). Empati pendidik guru dalam pendidikan mengalami menghayati kesusasteraan Melayu. *Jurnal IPDA*, 106-112.
- Nor Hasniza binti Ibrahim. (2012). *Model Pengajaran Refleksi Berfokuskan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Sains dalam Bidang Kimia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nuraina Mohamed Sin, & Haslina Ishak. (2017). Menyemai Budaya Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran. In *Prosiding ICSoTL 2017* (pp. 978–983). UUM, Sintok: School of Education and Modern Languages, Universiti Utara Malaysia. Retrieved from <http://www.seml.uum.edu.my/images/Proceedings/Proceedings2.pdf>
- Oplatka, I. (2018). Understanding Emotion in Educational and Service Organizations through Semi-Structured Interviews: Some Conceptual and Practical Insights Understanding Emotion in Educational and Service Organizations, 23(6), 1347–1363.
- Raatikainen, E., & Rauhala, L. A. (2014). Qualified Empathy – a key element for an empowerment professional, 113–122.
- Rohaida Mazlan. (2017). Tahap Pengetahuan, Pemahaman dan Kesediaan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Kajian Pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(November), 30–40.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil, & Mohammad Zohir Ahmad. (2017). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 1–11.
- Rohani Abdul Karim. (2016). *Seminar Literasi Undang-Undang dan Pengurusan Emosi*. Diperoleh daripada [www.lpkn.gov.my](http://www.lpkn.gov.my)
- Satu Elo, & Kyngals, H. (2007). The qualitative content analysis process. *JAN Research Methodology*, (Cole 1988), 107–116. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2648.2007.04569.x>
- Siti Norfarhana Shaikh Ismail, & Siti Mistima Maat. (2017). Kontekstual Untuk Pembelajaran Bermakna Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. In Saemah Abdul Rahman, Melor Md Yunus, Siti Mistima Maat, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, Azlina Abdul Aziz, Aidah Abdul Karim, ... M. A. A. Yazid (Eds.), *Seminar Serantau Ke-8 2017* (pp. 75–89). Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Retrieved from <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/kandungan2.pdf>
- Zainudin Sharif & Norazmah Mod Roslan. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam Masalah Sosial di Tunas Bakti, Sungai Lereh Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 115-140.
- Zins, J.E., Bloodworth, M.R., Weissberg, R.P., & Walberg, H.J. (2004). The scientific base linking social and emotional learning to school success. In J.E. Zins, R.P. Weissberg,